



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

 03-8870 4426

 ukk@dof.gov.my

 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (48)

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TEGAS LINDUNGI YU & PARI

PUTRAJAYA, 21 November 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil maklum dan menyambut baik laporan terkini Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia dan TRAFFIC Asia Tenggara yang menilai skala perdagangan produk yu dan pari dalam talian di Malaysia. Penemuan ini memberi gambaran penting mengenai corak perdagangan semasa, seterusnya membantu memperkukuh usaha pemuliharaan dan kawal selia terhadap kumpulan spesies marin yang semakin berisiko tinggi.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, menegaskan bahawa DOF memandang serius dapatan tersebut dan menghargai kerjasama berterusan dengan WWF dan TRAFFIC dalam meningkatkan ketelusan maklumat, kesedaran awam serta kefahaman mengenai keperluan melindungi spesies yang terdedah kepada ancaman eksploitasi. DOF kini sedang meneliti semula pendekatan pengurusan termasuk pengukuhan operasi pemantauan, semakan dasar serta pemantapan mekanisme penguatkuasaan di peringkat lapangan bagi memastikan tindakan lebih berkesan.

Malaysia sebagai Negara Pihak kepada Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) melaksanakan tanggungjawab mengawal perdagangan antarabangsa bagi spesies terancam, termasuk yu dan pari. DOF memastikan pematuhan permit CITES, pemeriksaan identiti spesies dan kolaborasi rapat dengan agensi penguatkuasaan di pintu masuk negara, bersandarkan data saintifik serta standard antarabangsa. Tanggungjawab ini diperkukuh melalui semakan berkala dan peningkatan kapasiti penguatkuasaan.

Dari sudut perundangan domestik, beberapa spesies yu dan pari dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999, yang menetapkan kawal selia berkaitan pengambilan, pendaratan, pemilikan, penjualan dan perdagangan spesies terancam.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES REMAINS TRANSFORMATION

myDOF
Penangku Perikanan

Antara spesies yang dilindungi termasuk Great Hammerhead (*Sphyrna mokarran*), Scalloped Hammerhead (*Sphyrna lewini*), Smooth Hammerhead (*Sphyrna zygaena*), Oceanic Whitetip Shark (*Carcharhinus longimanus*) serta pari manta seperti Giant Manta Ray (*Mobula birostris*) dan Reef Manta Ray (*Mobula alfredi*).

“Yu dan pari merupakan pemangsa puncak yang memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem marin. DOF komited memastikan perdagangan dan pendaratan spesies terancam dikawal secara ketat, berintegriti dan selaras dengan piawaian antarabangsa serta perundangan negara. Kami menghargai usaha WWF dan TRAFFIC dalam menyediakan maklumat yang membantu memperkukuh tindakan pengurusan sumber marin negara,” ujar Dato’ Adnan.

DOF akan terus memperkukuh tindakan bersepadu melalui penambahbaikan sistem pemantauan, peningkatan kapasiti agensi berkaitan, pengukuhan pendidikan awam serta penyediaan data saintifik yang komprehensif. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen jabatan untuk memastikan sumber perikanan negara kekal lestari, terurus dan terpelihara demi kesejahteraan generasi akan datang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my